



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERLAKSANAAN PENILAIAN KENDALIAN
SEKOLAH MENENGAH (PKSM) DIKALANGAN
GURU-GURU PENDIDIKAN SENI VISUAL
DI DAERAH HULU SELANGOR
SELANGOR**

NORIZAN BINTI UJANG



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2006



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

30 MEI 2006


.....
NORIZAN BINTI UJANG
2003 01194



DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledged.

30 MAY 2006

NORIZAN BINTI UJANG
200301194



PENGHARGAAN

Izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya telah memberikan saya ketabahan dan kekuatan untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya sebagai memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Pendidikan.

Di dalam kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga kepada Profesor Madya Tn. Hj. Iberahim bin Hassan selaku penyelia penyelidikan yang telah banyak membantu, membimbing serta memberi tunjuk ajar yang amat berguna buat saya di dalam menyediakan projek ini. Segala kritikan, teguran dan pandangan yang beliau berikan telah banyak membantu saya di dalam memperbaiki kelemahan diri. Sesungguhnya sumbangan murni beliau hanya ALLAH sahaja sebaik-baik tempat memberi balasan.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pengetua dan guru-guru Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Sentosa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Choh Hulu Selangor yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini khasnya buat Pn Azizah binti Hassan selaku Ketua Panitia Pendidikan Seni Visual.

Tidak lupa juga saya rakamkan penghargaan kepada suami yang tercinta, Zulkefle bin Md Derus dan anak saya Nurain Zulyana binti Zulkefle yang telah banyak memberikan sokongan, dorongan dan pengorbanan masa serta memahami situasi saya dari awal sehingga akhir pengajian khususnya di dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Sesungguhnya kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama.

Sekian, Wassalam



ABSTRAK

Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk meninjau pelaksanaan kaedah Penilaian Kendalian Sekolah Menengah PKSM di kalangan guru – guru Pendidikan Seni Visual di dua buah sekolah menengah di daerah Hulu Selangor. Kedua adalah untuk mengetahui tahap kompetensi guru di dalam melaksanakan PKSM. Sampel kajian adalah terdiri daripada 20 orang guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual di sekolah tersebut dan 80 orang murid tingkatan 4 yang mengambil elektif di dalam mata pelajaran ini mengikut tiga tahap iaitu lemah, sederhana, dan baik. Kajian ini adalah menggunakan kaedah kaji selidik dengan menggunakan soal selidik sebagai alat kajian yang telah diubahsuai. Ia dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A terdiri daripada item latar belakang seperti jantina, umur, bangsa, ketogori jawatan, opsyen dan lokasi sekolah, manakala bahagian B pula terdiri daripada 21 item yang berkaitan dengan pengetahuan pengajaran dan pembelajaran serta tahap kemahiran dalam penilaian PKSM. Bagi responden murid pula, item soal selidik terbahagi kepada 2 bahagian juga iaitu bahagian A terdiri daripada latar belakang seperti jantina, umur, bangsa, lokasi tempat tinggal, minat dan gred pencapaian manakala bahagian B mengandungi 10 item yang berkaitan dengan pandangan mereka terhadap aktiviti penilaian yang dijalankan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Hasil dapatan di analisis dengan menggunakan *Statistic Package of Sosial Science. Version 14.0*. Kaedah *descriptive* dan tabulasi silang digunakan untuk mendapat hasil kekerapan dan perkaitan di antara dua pemboleh ubah. Bagi menguji hipotesis, analisis varians Anova Sehalu diigunakan. Hasil dapatan daripada kajian ini hipotesis nol yang menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara opsyen guru dan kaedah membuat penilaian berjaya di tolak. Ini bermakna opsyen guru telah mempengaruhi tahap kompetensi seseorang guru itu di dalam melaksanakan kaedah penilaian. Selain daripada itu opsyen guru juga di dapati telah mempengaruhi kaedah penilaian secara penulisan di dalam aktiviti membuat folio Dapatan dari responden murid juga digunakan untuk menyokong fakta yang berkaitan dengan kekerapan guru menjalankan aktiviti penilaian semasa pengajaran di dalam kelas. Tempoh Pengalaman guru juga di dapati mempengaruhi tahap kompetensi di dalam melaksanakan kaedah penilaian. Kesimpulannya guru perlu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dari masa kesemasa di dalam melaksanakan PSKM.





ABSTRACT

The main purpose of this survey is to study the implementation of the evaluation method conducted by the visual art teachers in two secondary PSKM schools at Hulu Selangor district. Secondly is to find out the competency level of teachers in implementing PKSM. For this purpose, survey from 20 samples of teachers who taught visual art and 80 samples of form 4 students who took elective subject were valued according to 3 stages that are weak, fair and good. This survey uses questioners as a tool that has been mentioned. It was divided into 2 sections consist of background such as sex, age, race, designation, option and school location while section B consist of 21 items that are related to knowledge education and teaching as well as their skill level in PKSM. For Students respondent, each questionnaire is divided into 2 sections. For section A consist of background such as sex, age, race, address, interest and achievement grade while in section B, consist of 10 items that relate to their opinion towards evaluation activities conducted by their teachers during teaching and learning in class. The output from this analysis derived from the Statistic Package for Social Science Version 14.0. The descriptive method and cross tabulation are used to retrieved output whether it has any bearing and relationship between the 2 variables. To test the hypothesis, One-Way ANOVA Variance analysis is used. The result derived from the survey concluded the null hypothesis stated, that there is no significant different between option teacher and method of evaluation were not true and therefore was rejected. It means that the option teacher has influence the competency level of individual teacher in implementing evaluation method. Besides that option teacher also influences the evaluation method through writing activities such as making folio. Output from students respondents are also being used to support the fact that relates to the frequency of teachers conducting evaluation activities while teaching in class. The teachers terms experience also influence the level of competency in implementing the evaluation method. Thus it is recommended that the teacher should upgrade their knowledge and competency from time to time in implementing the PKSM.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v



BAB 1	
1.1. Pengenalan	1-7
1.2. Latar Belakang	8-9
1.3 Pernyataan Masalah	9-11
1.4 Objektif kajian	11-12
1.5 Hipotesis Kajian.	12
1.6 Persoalan kajian	13





1.7	Kepentingan Kajian	13-14
1.8	Batasan Kajian	14
1.9	Definasi Operasional	15
1.9.1	Definasi Penilaian	15
1.9.2	Definasi Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah	16
1.9.3	Definasi Kendalian Sekolah Menengah	16-18
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	19-29
2.1	Model Kajian	30
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	31
3.2	Fokus Kajian	32-33
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	33
3.4	Instrumen Kajian Dan Kesahan	33-34
3.5	Kajian Rintis	34-35
3.6	Pengumpulan Data	35
3.7	Analisis Data	35-36
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1.	Pengenalan	37-38





4.2	Bilangan Responden Mengikut Jantina	38
4.3	Bilangan Responden Mengikut Umur	38-39
4.4	Bangsa Responden	39
4.5	Kategori Jawatan Responden	40
4.6	Pengalaman Mengajar PSV	40
4.7	Opsyen Responden	41
4.8	Lokasi Sekolah	41
4.9	Opsyen Dan Matlamat / Objektif Seni	42
4.10	Pengalaman Mengajar Dan Kemahiran Seni	43-44
4.11	Umur Dan Perkaedahan Penilaian	44-45
4.12	Opsyen dan Kemahiran Merekod/Menilai	45
4.13	Opsyen Dan Kaedah Penulisan Folio	45
4.14	Pengalaman Dan Tindakan Susulan	47
4.15	Pengalaman Dan Etika Peperiksaan	48
4.16	Bilangan Murid Mengikut Jantina Dan Bangsa	49
4.17	Bilangan Bangsa Dan Minat PSV	50
4.18	Gred Pencapaian mengikut Jantina	50



4.19	Kekerapan Aktiviti Buku Skrap dan Folio	51
4.20	Kekerapan Guru Memperbaiki Kelemahan Murid	52
4.2.1	Kekerapan Aktiviti Pemulihan Dan Pengayaan	53

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	56
5.2	Perbincangan	56-62
5.3	Rumusan Dapatan	62-63
5.4	Cadangan Untuk Amalan	64-65
5.5	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	65
5.6	Kesimpulan	65-66

BIBLIOGRAFI	67-69
Lampiran A : Instrumen kajian	

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
4.2	Bilangan Responden Mengikut Jantina	38
4.3	Umur Responden	38-39
4.4	Bangsa Responden	39
4.5	Kategori jawatan	40
4.6	Pengalaman Mengajar PSV	40
4.7	Opsyen Responden	41
4.8	Lokasi Sekolah	41
4.9	Opsyen Dan Pengetahuan matlamat/objektif PSV	42
4.10	Pengalaman mengajar Dan Kemahiran Seni	43-44
4.11	Umur dan Perkaedahan Penilaian	44-45
4.12	Opsyen Dan Kemahiran Merekod/menilai	45
4.13	Opsyen Dan Melaksanakan Kaedah Penulisan Folio	46
4.14	Pengalaman mengajar Dan Tindakan Susulan	47
4.15	Pengalaman Mengajar Dan Etika Peperiksaan	48
4.16	Bilangan Murid Mengikut Jantina Dan Bangsa	49

4.17	Bilangan Bangsa Dan Minat Seni	50
4.18	Gred Pencapaian Mengikut Jantina	50
4.19	Kekerapan Aktiviti Buku Skrap/Folio	51
4.20	Kekerapan guru Memperbaiki Kelemahan Murid	52
4.21	Kekerapan Aktiviti pemulihan Dan Pengayaan	52
4.22	Analisis Varians	52-55



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.0	Aktiviti penilaian, aktiviti P&P dan Objektif Pengajaran dan pembelajaran	2
1.2	Proses Penilaian	5
1.3	Prosedur Penilaian	7
1.4	Perkaitan Penilaian, Pengukuran Dan Pengujian	7



SENARAI SINGKATAN

Singkatan

Perkataan Penuh

PKSM

Penilaian Kendalian Sekolah Menengah

PSV

Pendidikan Seni Visual

KBSM

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah

FPK

Falsafah Pendidikan Kebangsaan

PKBS

Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah

SPM

Sijil Pelajaran Malaysia

STPM

Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

P&P

Pengajaran Dan Pembelajaran

PM

Pembelajaran Masteri



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan suatu proses transmisi secara formal dan tidak formal ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berlaku di antara satu generasi kepada generasi yang lain ataupun dalam generasi yang sama.


Menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di fahamkan bahawa pendidikan merupakan satu proses yang berterusan. Bagi mencapai hasrat ini golongan pendidik disarankan agar menggunakan pelbagai kaedah dan aktiviti berasaskan pembelajaran. Sepertimana yang dinyatakan dalam FPK, matlamat pendidikan di Malaysia adalah untuk melahirkan individu yang berkembang secara menyeluruh dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab pendidik untuk memperkembangkan aspek tersebut melalui sistem



persekolahan. Bagi menentukan sejauh mana aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani dapat diperkembangkan maka satu sistem penilaian yang sesuai perlu diwujudkan.

Dalam konteks pendidikan, penilaian ialah suatu sistem atau proses yang meliputi aktiviti- aktiviti mengumpul maklumat tentang strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, untuk membuat analisis dan keputusan dengan tujuan mengambil tindakan yang sepatutnya seperti merancang aktiviti selanjutnya dengan cara yang lebih berkesan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penilaian dan pengujian adalah penting kerana melaluinya guru akan memperolehi maklumat yang diperlukan untuk mengesan sama ada objektif – objektif pembelajaran yang hendak dicapai itu telah berhasil atau sebaliknya. Penilaian haruslah dijalankan terus menerus di dalam proses pengajaran pada segala peringkat. Proses ini boleh dilakukan secara lisan ataupun secara bertulis, guru harus dapat memahami maksud dan fungsi penilaian dengan sejelasnya.

Penilaian hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Rajah 1.0 di bawah ini memperlihatkan bagaimana aktiviti penilaian, pengajaran dan pembelajaran bertindak balas di antara satu dengan yang lain bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran yang dijangkakan.



Rajah 1.0: Aktiviti penilaian, aktiviti P&P dan objektif pengajaran dan pembelajaran

Penilaian dalam bilik darjah biasanya mengutamakan penilaian formatif, iaitu mengesan perkembangan pembelajaran dengan serta merta untuk mengenal kekuatan dan kelemahan murid – murid.


Penilaian Kendalian Berasaskan Sekolah (PKBS) ialah sesuatu aktiviti penilaian yang digunakan untuk mengesan perkembangan individu secara menyeluruh dan berterusan. Ia disebutkan sebagai Penilaian Kendalian Sekolah Menengah (PKSM), mengikut matlamat dan objektif sukatan pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) dalam KBSM. Aktiviti penilaian ini merupakan sebahagian daripada aktiviti di dalam proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Oleh kerana PKBS dilaksanakan secara berterusan dalam bilik darjah dengan tujuan mengesan penguasaan dan kemajuan pelajar, penilaian ini merupakan penilaian formatif. Justeru itu segala alat ujian adalah dibina oleh guru sendiri atau secara kelompok dengan mengikut panduan dan bimbingan daripada pegawai – pegawai pendidikan daerah, dan tidak dikendalikan secara berpusat seperti SPM dan STPM.

Melalui penilaian kendalian sekolah, perkembangan pelajar dapat dikesan sepanjang masa bagi membolehkan guru membuat sesuatu keputusan atau tindakan berkaitan dengan pelajarnya. Disamping itu PKSM dapat menilai aspek – aspek pembelajaran yang tidak dapat dinilai sepenuhnya secara penilaian berpusat. Oleh itu menjadi tanggungjawab utama guru – guru untuk melaksanakannya supaya setiap pelajar mendapat peluang untuk memperkembangkan lagi potensinya. Pihak sekolah hendaklah menentukan supaya guru merancang aktiviti penilaian pada awal tahun supaya mereka dapat membuat persediaan awal dari segi masa dan strategi pengajaran bagi membolehkan tindakan susulan yang sesuai dirancang untuk pelajar. Dengan adanya

perancangan yang rapi pihak sekolah akan dapat mengawasi pengendalian PKSM dengan lebih baik dan sempurna bagi mengembangkan lagi potensi pelajar.

PKSM menekankan perkembangan dan kemajuan pelajar berdasarkan kemampuannya sendiri. Ini bererti guru tidak seharusnya membandingkan kemajuan dan kemampuan seseorang pelajar dengan pelajar lain kerana tahap potensi setiap individu itu adalah berbeza. Oleh yang demikian guru digalakkan menilai sebelum, semasa dan sesudah pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Tindakan susulan yang sesuai perlu dilakukan untuk mengatasi kelemahan pelajar serta berusaha untuk mempertingkatkan potensi pelajar yang cerdas, walaupun mereka sudah mencapai semua objektif pembelajaran untuk tahapnya. Bagi pelajar yang lemah guru harus merancang semula strategi pengajaran untuk mengatasi kelemahan pelajar dan bagi pelajar yang cerdas pula harus memberikan aktiviti yang lebih mencabar untuk meningkatkan pembelajaran mereka kearah yang lebih cemerlang. Hanya melalui tindakan susulan setiap pelajar akan dapat mencapai potensi pembelajarannya secara optimum. Guru boleh melakukan kajian tindakan bagi mengatasi segala permasalahan tersebut.

Sebelum melaksanakan PKSM, guru perlu menentukan hasil pembelajaran yang hendak dinilai. Untuk tujuan ini guru boleh berpandukan Huraian Sukatan Pelajaran. Pelaksanaan penilaian kendalian sekolah yang sistematik perlu mengikut langkah-langkah yang telah dibuat oleh Pusat perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia seperti rajah di bawah.



Rajah 1.1: Proses Penilaian (Pusat perkembangan kurikulum 2001 KPM)

Langkah – langkah dalam proses PKSM menyokong konsep Pembelajaran Masteri (PM). Ia berasaskan kepada keyakinan bahawa setiap pelajar mempunyai kebolehan untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diajar sekiranya diberi masa yang mencukupi, dan melalui pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Dalam PM pengajaran perlu dirancang dan guru perlu menilai untuk memastikan pelajar menguasai semua hasil pembelajaran. Guru perlu mengambil tindakan susulan yang bersesuaian untuk memastikan pelajar menguasai keseluruhan kandungan pelajaran.


Menurut Bloom (1968) Pembelajaran Masteri merupakan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan penguasaan murid dalam sesuatu perkara yang diajar. Ia berasaskan kepada falsafah bahawa semua atau hampir semua murid boleh menguasai sesuatu pengetahuan atau kemahiran dengan baik dan penuh keyakinan sekiranya keadaan yang sesuai dan masa yang mencukupi disediakan untuk murid itu menguasai pembelajarannya.

Anderson & Blok (1975) pula berpendapat, Pembelajaran Masteri ialah satu set idea dan amalan pengajaran secara individu yang dapat membantu murid untuk belajar secara konsisten. Idea dan amalan ini menghasilkan pengajaran yang sistematik, membantu murid apabila menghadapi masalah pembelajaran, memperuntukan masa yang mencukupi untuk murid mencapai masteri dengan berpandukan kriteria masteri yang jelas.

Berdasarkan pendapat di atas Pembelajaran Masteri boleh dirumuskan sebagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran yang dihasratkan dalam suatu unit pembelajaran sebelum berpindah ke unit


pembelajaran seterusnya. Pendekatan ini memerlukan peruntukan masa yang mencukupi dan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti.

Prosedur penilaian mengandungi aspek – aspek pengujian, pengukuran, penganalisan dan penyimpulan. Prosedur penilaian ini boleh dilaksanakan dalam lima peringkat yang diuraikan secara ringkas seperti yang berikut:



Rajah 1.2. Prosedur Penilaian (Pusat Perkembangan Kurikulum KPM 2001)

Berdasarkan keterangan di atas, pengujian dan pengukuran merupakan aktiviti – aktiviti utama dalam aktiviti penilaian. Kepentingannya di antara ketiga – tiga sistem ini dapat dilihat dalam rajah 3 di bawah:



Rajah 1.3: Perkaitan Penilaian, Pengukuran dan pengujian (PPK 2001)

1.2 Latar Belakang

Pendidikan di Malaysia telah mula menjalani perubahan besar sejak tahun 1990an. Pendidikan Seni Visual juga tidak terkecuali daripada gelombang perubahan tersebut. Pelbagai usaha perlu dilaksanakan bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran guru dalam segala aspek yang meliputi bidang perancangan, pengajaran dan pembelajaran serta penilaian. Peranan kita sebagai pendidik hendaklah sentiasa bersedia dan berupaya untuk menilai semula bidang – bidang seni tertentu agar sentiasa terkini selari dengan keperluan semasa. Pengetahuan asas mengenai fungsi penilaian adalah penting supaya dapat membantu guru – guru mempertingkatkan keberkesanan mereka dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Penilaian merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang bukan semata – mata dijalankan dalam bentuk ujian dan peperiksaan sahaja. Setiap penilaian itu haruslah sesuai untuk menilai pelajar mengikut perkembangan mereka yang meliputi tiga domain iaitu kognatif, afektif dan psikomotor yang perlu diberi penekanan dalam PSV selaras dengan pendapat Hastad dan Lacy (1998) iaitu peranan utama guru pendidikan seni adalah memperkembangkan dan mempertingkatkan dalam domain tersebut. Pada dasarnya ketiga – tiga domain tersebut secara semulajadi telah tertanam di dalam setiap individu murid – murid yang mana potensi mereka perlu diperkembangkan sehingga domain – domain itu dapat berfungsi dan berada dalam keadaan yang baik dan produktif.

Untuk mengembangkan potensi tersebut, penilaian yang bersepadu perlu dilakukan. Ini bermakna bidang penilaian memerlukan guru yang bukan sahaja peka kepada perubahan, juga perlu lebih efisien, mampu bertindak lebih proaktif, kreatif ,

inovatif dan mempunyai daya inisiatif yang tinggi dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab mereka. Guru haruslah peka dan berusaha untuk merancang satu bentuk penilaian yang lebih berkesan dan menyeluruh bagi memperoleh keputusan yang baik dan terbukti kesahannya kerana hasil penilaian tersebut memberi maklumat yang akan digunakan untuk membuat penilaian dimana keputusannya nanti akan melibatkan masa depan sesaorang murid. Lansing (1971) menyarankan supaya guru-guru merangka suatu sistem penilaian yang berterusan dan dapat menggalakkan penilaian sendiri, program dan murid – murid.

1.3 Pernyataan Masalah

Wujudnya kritikan terhadap kompetensi penilaian oleh guru – guru PSV di sekolah – sekolah dan hasil kajian yang pernah dilakukan oleh beberapa orang pengkaji terdahulu mendapati penilaian yang dijalankan berada di tahap sederhana dan membimbangkan telah merangsang penyelidik untuk mengkaji tentang pelaksanaannya di sekolah menengah dengan lebih terperinci agar dapat dijadikan panduan kepada guru – guru PSV yang baru supaya penilaian yang sepatutnya dapat dilaksanakan bagi merealisasikan matlamat dan objektif mata pelajaran ini sepertimana yang dituntut oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penilaian sewajarnya mampu mengukur prestasi menerusi kaedah penilaian yang sesuai berdasarkan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan tiga domain iaitu kognitif, psikomotor dan afektif.

Penilaian berbentuk ujian atau peperiksaan tidak mampu mengukur perkembangan dan kemajuan prestasi murid secara berkesan dan menyeluruh. Menurut Ibrahlim Hassan

(2002) kebanyakannya guru sekadar menilai tahap kemahiran pelajar secara impresif dalam menghasilkan sesebuah karya dengan menggunakan bahan, peralatan dan media yang mampu disediakan oleh pihak sekolah. Bagi hasil kerja studio pula guru – guru akan mengukur sejauh mana daya kreativiti pelajar bagi menyelesaikan masalah artistik secara ekspresif. Penilaian hasil kerja kraf biasanya mengambilkira keupayaan pelajar menggunakan alat dan bahan mengikut proses dan prosedur sesuatu jenis kraf berdasarkan kriteria khusus. Tumpuan lebih diberikan kepada ketepatan, kesempurnaan, ketelitian dan kehalusan kerja yang menunjukkan kualiti estetika yang tinggi. Penilaian lebih tertumpu kepada kecekapan dan ketrampilan. Tindakan susulan biasanya jarang dilakukan kerana proses menghasilkan kraf sangat rumit dan memerlukan masa yang agak lama sedangkan masih banyak tajuk yang perlu diajar menyebabkan ramai guru mengambil mudah tentang perkara ini.

Terdapat juga guru – guru yang tidak tahu peranan mereka sebagai penilai mata pelajaran PSV dan tidak kurang juga yang kabur tentang penilaian formatif dengan alasan mereka bukan guru opsyen seni. Pihak pentadbir sekolah selalu berada di dalam situasi serbasalah dan ada juga yang terpaksa akur asalkan ada guru yang mengajar PSV.

Penilaian secara tradisional juga masih berlaku di kalangan guru – guru *senior*. Bagi mereka sistem penilaian yang terkini menyukarkan kerana amalan penilaian di tahap lama lebih mudah dan selesa tanpa ingin melakukan perubahan demi untuk mempertingkatkan martabat mata pelajaran ini. Pada persepsi mereka latar belakang pelajar yang berada di kelas hujung sememangnya sukar diajar kerana mereka bukan sahaja lemah dalam 3M iaitu membaca, menulis dan mengira tetapi lemah juga dalam melukis.



PKSM memerlukan penilaian yang berterusan yang dapat memperkembangkan potensi setiap individu. Kebanyakan guru penilai hanya menilai hasil kerja pelajar melalui ujian atau peperiksaan dalaman. Penilaian selepas P&P dan tindakan susulan selalu diabaikan berkemungkinan mereka tidak tahu ataupun menyedari tuntutan itu tetapi sukar untuk dilaksanakan. Ada juga di kalangan guru yang berpuas hati sekiranya beberapa orang pelajar di dalam kelas tersebut selalu menghasilkan kerja yang terbaik lantas mereka beranggapan objektif pengajaran telah tercapai dan terus mengabaikan pelajar yang lemah.

1.4 Objektif Kajian



1.4.1 Objektif Umum

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk;

1. meninjau kaedah pelaksanaan PKSM dalam mata pelajaran Pendidikan Seni Visual yang diamalkan disekolah – sekolah menengah.
2. mengetahui tahap kesedaran guru dan murid terhadap bentuk penilaian PSV yang lain selain daripada bentuk yang sedia ada
3. mengetahui masalah yang dihadapi oleh guru PSV semasa pelaksanaan PKSM



1.4.2 Objektif Khusus

Tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk:

1. menilai tahap kecekapan guru dalam mengendalikan PKSM
2. mengenal pasti peranan dan tanggungjawab yang perlu ada pada seorang guru penilai PSV yang berkualiti
3. mengenal pasti kaedah penilaian PKSM yang boleh dijadikan panduan oleh semua guru PSV khasnya di sekolah menengah

1.5 Hipotesis Kajian

Berikut adalah hipotesis – hipotesis nol untuk kajian ini

1. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengalaman mengajar guru untuk dikaitkan dengan pengetahuan tentang kaedah penilaian.
2. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara opsyen guru untuk dikaitkan dengan kemahiran pelaksanaan kaedah penulisan folio.
3. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara opsyen guru PSV untuk dikaitkan dengan kemahiran membuat tindakan susulan dan pemulihan serta - merta semasa dan selepas P&P.
4. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara opsyen guru dengan pengetahuan tentang matlamat dan objektif PSV KBSM

1.6 Pesolan Kajian

Secara lebih khusus, kajian ini cuba menjawab soalan – soalan di bawah;

1. Adakah guru – guru PSV mengetahui kaedah melaksanakan PKSM?
2. Adakah guru – guru PSV mengetahui peranan dan tanggungjawabnya di dalam membuat penilaian PKSM?
3. Apakah tahap kompetensi guru – guru PSV dalam mengendalikan PKSM?
4. Apakah masalah yang sering dihadapi oleh guru – guru PSV ketika melaksanakan PKSM di sekolah?

1.7 Kepentingan Kajian

Peranan kita sebagai guru PSV tidak wajar dipandang mudah. Sebagai seorang guru yang berdedikasi dan sedar akan tanggungjawab, maka seharusnya guru – guru memiliki tahap kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang penilaian. Penilaian ini lebih bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap pelajar dari satu peringkat ke satu peringkat supaya guru dapat mengesan perkembangan pelajar dari semasa ke semasa serta memberi peluang kepada guru untuk membetulkan kesilapan serta memperbaiki kelemahan pelajar serta merta agar kelemahan tersebut tidak terhimpun.

Kajian ini dapat mengenal pasti peranan dan tanggungjawab guru PSV, dan dapat mengetahui sejauh mana kompetensi yang ada pada mereka di dalam membuat penilaian serta secara tidak langsung dapat mengetahui masalah yang dihadapi dalam melaksanakan tugas masing – masing agar dapat memperbaiki dan mempertingkatkan kemahiran dalam membuat penilaian. Hasil kajian ini diharapkan dapat dijadikan

panduan kepada semua guru – guru PSV khususnya di sekolah menengah di dalam membuat penilaian formatif iaitu Penilaian Kendalian Berasaskan sekolah.

Hasil kajian juga di jangka akan membantu pihak pengurusan sekolah di dalam membuat pemilihan bagi menempatkan guru-guru pendidikan seni visual yang bukan opsyen seni mengajar di sekolah menengah. Adalah diharapkan juga hasil kajian ini dapat memperbaiki sistem penilaian kendalian sekolah menengah PKSM supaya selaras dengan garis panduan yang telah disediakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.8 Batasan Kajian

Permasalahan yang akan dikaji lebih berfokus kepada aspek peranan guru sebagai penilai dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dan mengenalpasti tahap kemahiran mereka di sekolah menengah serta kaedah pelaksanaan penilaian yang dijalankan. Kajian ini melibatkan guru – guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual di dua buah sekolah di Hulu Selangor iaitu SMK Bukit Sentosa dan SMK Sungai Choh serta pelajar – pelajar tingkatan empat yang dipilih mengikut tiga tahap iaitu baik, sederhana dan lemah . Rasional pemilihan sekolah – sekolah tersebut kerana jarak di antara sebuah sekolah dengan sekolah yang lain memudahkan penyelidik melakukan kajian. Pelajar tingkatan empat dipilih kerana dijangkakan sudah mempunyai tahap kemahiran dan penghasilan seni yang memuaskan serta kelas ini juga bukan kelas peperiksaan dan memudahkan proses kajian dilakukan. Responden yang digunakan di

dalam kajian ini ialah seramai 10 orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual bagi setiap sekolah dan kesemuanya berjumlah 20 orang. Manakala bagi responden murid pula, terdiri daripada 40 orang pelajar yang mengambil mata pelajaran elektif Pendidikan Seni Visual bagi setiap sekolah. Jumlah kesemuanya ialah 80 orang.

1.9 Definasi Operasional

1.9.1 Definasi Penilaian

Penilaian merupakan satu pertimbangan atau pembuat keputusan tentang merit atau nilai sesuatu perkara atau benda. Menurut Bloom (1992) penilaian didefinisikan sebagai membuat pertimbangan mengenai nilai, idea – idea, kerja, penyelesaian, kaedah, bahan dan sebagainya untuk beberapa tujuan tertentu. Penilaian melibatkan penggunaan kriteria dan juga standard – standard untuk menilai sejauh mana sesuatu perkara itu tepat, berkesan, ekonomi dan memuaskan. Pertimbangan – pertimbangan mungkin bersifat sama ada kuantitatif atau kualitatif, dan kriterianya mungkin berkait sama ada dengan kriteria yang ditentukan oleh murid atau yang diberikan kepadanya. Mengikut William Mehrens pula, penilaian ialah satu proses menggambar, mendapat dan menyediakan panorama yang berfaedah untuk dihakimi keputusan (Abd. Rashid Johar /2000)

Selain itu, di dalam buku *Education Evaluation and Decision Making* yang disunting oleh D. Stufflebeam, penilaian ditakrifkan sebagai proses menentukan, mendapatkan dan memberikan maklumat yang berguna untuk membuat pertimbangan mengenai tindakan selanjutnya.

Gronlund (1981) yang di petik dalam buku Penilaian Di Bilik Darjah, mendefinisikan penilaian sebagai satu proses sistematik untuk menentukan sejauh mana objektif pengajaran telah dicapai oleh pelajar.

1.9.2 Definasi Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah

Pendidikan Seni Visual sekolah menengah menegaskan kegiatan dalam proses penghasilan dengan melibatkan aspek pemahaman, penghayatan, dan kritikan. Proses ini menyentuh perasaan estetik dan daya kreativiti individu melalui penajaman daya intuisi, persepsi, imaginasi dan konsepsi murid. Dengan ini murid di harap dapat mengamalkan pertimbangan seni visual, meningkatkan lagi kepekaan, menjadi pengkarya yang rasional dan mampu mengendalikan kehidupan dengan membawa bersama nilai yang disebutkan.

1.9.3 Definasi Penilaian Kendalian Sekolah Menengah

Penilaian Kendalian berasaskan sekolah PKSM ialah satu proses untuk mengesan perkembangan, kebolehan, kemajuan dan pencapaian pelajar secara menyeluruh berasaskan kepada matlamat KBSM yang berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penilaian ini dirancang dan dikendalikan oleh guru di peringkat sekolah bagi semua mata pelajaran. Instrumen penilaian dibina dan ditadbirkan oleh guru melalui garis panduan yang diberikan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.

Di dalam buku yang diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum cetakan pertama 2001 Kementerian Pendidikan Malaysia menerangkan bahawa penilaian



kendalian sekolah lebih bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap murid dari satu peringkat ke satu peringkat. Guru dapat membuat diagnostik bagi mengesan perkembangan murid dari semasa ke semasa. Ini memberi peluang kepada guru untuk membetulkan kesilapan dan memperbaiki kelemahan murid serta merta supaya kelemahan tersebut tidak terhimpun. Di samping itu guru dapat mengenal pasti kelemahan dan memperkembangkan lagi kekuatan serta potensi murid.

Penilaian formatif dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Maklumat yang diperoleh dapat memberi maklum balas tentang sejauh mana sesuatu hasil pembelajaran telah dikuasai. Oleh itu, guru dapat mengetahui tentang kelemahan dan kekuatan serta potensi seseorang murid dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.



Selain daripada itu menurut sumber yang diperolehi dari buku Penilaian Tahap

Kecekapan: Kompetensi Khusus/Fungsi (P&P 2003) menerangkan bahawa penilaian formatif meliputi aktiviti mengesan kekuatan dan kelemahan penguasaan pelajar dalam sesuatu kemahiran yang telah diajarkan. Cara penilaian ini merupakan bentuk tak formal seperti pemerhatian, bersoaljawab secara lisan, latihan congak, kuiz, memeriksa hasil kerja pelajar dalam kelas atau kerja rumah. Penilaian formatif ini biasanya digunakan untuk mengesan bidang kelemahan penguasaan kemahiran pelajar secara individu supaya dapat membetulkan kesalahannya dengan serta merta. Oleh itu penilaian ini kerap kali dijalankan selepas sesuatu kemahiran diajarkan, biasanya semasa waktu pelajaran dengan menggunakan kaedah secara individu. Disamping itu ia digunakan untuk mengesan kemajuan pelajar dalam kelas di mana ujian kertas-pensel dalam bentuk formal digunakan untuk menilai kemajuan mereka. Ia dilakukan selepas beberapa unit kemahiran





ataupun satu unit pembelajaran telah diajarkan. Keputusan ujian ini akan direkodkan dalam borang prestasi yang akan digunakan untuk menentukan tindakan selanjutnya, seperti menempatkan pelajar dalam kumpulan – kumpulan yang sesuai dan merancang aktiviti pengayaan serta pemulihan.

